

11 SEP 1999

Abdul Taib-Wawasan

PEMULIHAN EKONOMI AKAN MENDORONG KEJAYAAN WAWASAN 2020

SIBU, 11 Sept (Bernama) -- Kebolehan Malaysia untuk memulihkan ekonominya merupakan pendorong besar dalam mencapai objektif Wawasan 2020, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Dengan pengalaman mengharungi krisis besar itu bersama kepimpinan berkesan dan ekonomi yang kukuh, objektif Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020 boleh dicapai, katanya.

Semasa berucap di majlis perbarisan dan perhimpunan sempena harijadi ke 76 Yang Dipertua Negeri Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Aduce Mohd Nor di padang sukan baru di bandar ini, Abdul Taib berkata idea-idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memperkukuhkan lagi ekonomi negara.

Majlis hari ini dirasmikan oleh Tun Datuk Patinggi Abang Haji Mohammad Salahuddin, 78 yang mengangkat sumpah sebagai pemangku yang Dipertua Negeri di Kuching semalam kerana Tun Ahmad Zaidi uzur dan sedang menjalani rawatan di Kuala Lumpur.

Taib berkata, asas ekonomi negara yang telah diperkukuhkan tahun bertahun kini boleh dijadikan asas bagi perjuangan masa depan khususnya dalam menangani cabaran globalisasi.

Beliau berkata, negara-negara lain juga menjalankan perniagaan-perniagaan yang sama jadi kita perlu mencari cara-cara baru untuk bersaing dengan mereka.

Salah satu daripada caranya ialah dengan menceburi pembuatan produk berteknologi tinggi, katanya.

Taib berkata, transformasi seperti itu akan memerlukan kita mengkaji semula sistem pendidikan kita dengan harapan mengeluarkan tenaga kerja yang mencukupi dalam bidang teknikal dan pengurusan di samping melabur modal yang banyak.

Beliau mencadangkan lebih banyak penekanan diberikan kepada matapelajaran sains dan matematik dan gembira yang negara kini menyaksikan pembukaan lebih banyak institusi pengajian tinggi.

Di majlis itu, Taib juga mengisytiharkan padang sukan baru bernilai RM10 juta itu akan dikenali sebagai Padang Sukan Tun Ahmad Zaidi Aduce.

Mengenai kesihatan Tun Ahmad Zaidi, beliau berkata Yang Dipertua negeri itu semakin sembuh tetapi doktor-doktor yang merawatnya menasihatkannya supaya mengambil cuti tiga bulan.

Anggota Kabinet persekutuan dan negeri, orang-orang kenamaan tempatan serta 10,000 rakyat jelata hadir di majlis itu.

-- BERNAMA

ESS PR